

Jenis Akhbar : Utusan Borneo Sabah

Tarikh : 01/10/2021

Edisi / Muka Surat : Sabah / 4

Tajuk : ANGKASA, Yayasan Hijau Malaysia meterai MoU sokong agenda penanaman pokok

## ANGKASA, Yayasan Hijau Malaysia meterai MoU sokong agenda penanaman pokok

**KUALA LUMPUR:** Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) kelmarin menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bersama Yayasan Hijau Malaysia bagi menggerakkan Program CSR COOPCARE Koperasi Prihatin Sejuta Pokok.

Presiden ANGKASA, Datuk Abdul Fattah Abdullah dalam satu kenyataan kelmarin berkata, program itu bagi menyokong agenda nasional untuk menanam 100 juta pokok menjelang

2025.

“Program itu merupakan tanggungjawab sosial ANGKASA mewakili gerakan koperasi negara untuk menggalakkan 14,629 koperasi yang mempunyai 6.5 juta anggota di seluruh Malaysia menyokong usaha penanaman semula pokok.

Ia inisiatif berimpak tinggi yang turut memfokuskan kepada penanaman semula pokok di kawasan hutan, rizab hutan, kawasan awam, institusi dan sebagainya sebagai salah satu cara

untuk menangani masalah pelepasan karbon yang meningkat setiap tahun,” kata kenyataan itu.

Menurut kenyataan itu lagi, koperasi yang melaksanakan program penanaman pokok menggunakan pakej Yayasan Hijau Malaysia akan menerima potongan cukai 10 peratus daripada jumlah pendapatan agregat tahunan.

Selain itu, anggota koperasi yang menyertai secara individu akan mendapat potongan cukai tujuh peratus.

“ANGKASA juga akan memberi baucar ganjaran melalui pakej tajaan individu yang menanam pokok melalui aplikasi ‘Penhijauan Malaysia’, dengan 500 baucar digital Coop Farmasi ANGKASA ditawarkan kepada penaja individu.

“Ia boleh ditebus guna menerusi outlet Coop Farmasi dan secara dalam talian menerusi platform e-dagang seperti Shopee dan Lazada bagi pembelian barangan penjagaan kesihatan,” katanya. — Bernama

Perpustakaan Koperasi  
Malaysia ANGKASA